

Jabatan Bantuan Guaman buat ceramah undang-undang

KUALA TERENGGANU: Jabatan Bantuan Guaman (JBG) akan mengadakan siri ceramah dan taklimat di seluruh negeri bagi memberi pendedahan kepada orang ramai mengenai peranan serta kaedah mendapatkan bantuan agensi itu dalam aspek bantuan guaman membabitkan kes sivil, jenayah dan syariah.

Pengarah Jabatan Guaman Negeri Terengganu, Darma Sikri Abu Adam, berkata siri ceramah dan aktiviti penerangan dengan masyarakat setempat akan diadakan sebanyak enam kali sepanjang tahun ini di setiap daerah.

Katanya, program itu diadakan bertujuan meningkatkan pendedahan kepada orang ramai terutama mereka yang kurang berkemampuan untuk menggunakan perkhidmatan agensi itu dalam hal yang berkaitan perundangan.

"Walaupun kami sering mengadakan klinik bantuan guaman, maklum balas yang diterima tidak begitu menggalakkan dan keadaan ini mungkin disebabkan orang ramai tidak tahu perkhidmatan yang boleh ditagih daripada agensi ini.

"Menerusi siri ceramah dan klinik yang akan diadakan nanti, kami harap ia membuka ruang kepada mereka yang memerlukan khidmat guaman mendapatkan bantuan JBG bagi menyelesaikan masalah mereka," katanya ditemui di sini.

Mengulas lanjut, Darma berkata, orang ramai yang berpendapatan kurang RM25,000 setahun layak mendapatkan bantuan JBG dengan dikenakan yuran serendah RM2 manakala bagi mereka yang berpendapatan RM25,000 hingga RM30,000 dikenakan yuran perkhidmatan RM300.

"Kami harap dapat mempromosikan perkhidmatan yang ditawarkan jabatan ini kepada masyarakat menerusi program ini manakala orang ramai dapat memanfaatkan perkhidmatan yang kami tawarkan," katanya.

Beliau berkata, program klinik bantuan guaman tahun ini sudah bermula pada 5 Januari lalu di Mahkamah Rendah Syariah Daerah (MRSD) Hulu Terengganu dan akan diteruskan di semua daerah berdasarkan tarikh yang sudah ditetapkan.

Darma berkata, maklumat dan jadual dan tarikh lengkap klinik guaman yang akan diadakan di setiap daerah ada disertakan dalam laman web www.jbg.gov.my.

Dalam perkembangan sama, katanya, pejabat JBG yang sebelum ini di Tingkat 7, Kompleks Mahkamah Tinggi Kuala Terengganu sudah dipindahkan ke Aras 1, Wisma Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Jalan Air Jernih, di sini.